

PENTING/PENAFIAN:

INI MERUPAKAN PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET PELABURAN PENDASAR DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN PELABURAN BERTEMPOH-i

Terma dan syarat ("**Terma dan Syarat**") ini termasuk apa-apa penambahan, perubahan, pindaan dan/atau semakan semula seperti yang Bank tetapkan dari semasa ke semasa, menentukan terma dan syarat yang mengawal Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i) Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) dengan Bank. Dengan membuka dan menggunakan TIA-i atau perkhidmatan berkaitan dengannya, IAH bersetuju dan menerima Terma dan Syarat ini.

Bahagian A: Takrifan dan Tafsiran

1. Dalam Terma dan Syarat ini, istilah dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai maksud yang berikut:
 - 1.1 "**Bank**" bermaksud Public Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran Syarikat 197301001433 (14328-V)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, dan hendaklah, jika konteks membenarkan, termasuk pengganti dan penerima serah haknya.
 - 1.2 "**Laman web Bank**" merujuk laman web Bank, www.publicislamicbank.com.my atau apa-apa alamat lain yang ditentukan dan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
 - 1.3 "**BNM**" bermaksud Bank Negara Malaysia, sebuah badan korporat yang ditubuhkan menurut Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan termasuk mana-mana entiti yang menggalas peranan sebagai Bank Negara Malaysia.
 - 1.4 "**CRS**" bermaksud Standar Pelaporan Biasa.
 - 1.5 "**Akaun yang Ditetapkan**" mempunyai maksud seperti yang diberikan kepadanya di bawah Fasal 2.3, Bahagian C di bawah.
 - 1.6 "**FATCA**" bermaksud Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing dan termasuk semua undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya serta pindaan dan/atau enakmen semula kepadanya seperti yang dibuat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.
 - 1.7 "**IAH**" bermaksud pemegang akaun pelaburan (*Muwakkil* utama) yang boleh merupakan sama ada sebagai entiti korporat atau pelabur individu yang memenuhi syarat seperti yang ditentukan oleh Bank dan TIA-i dibuka di bawah namanya dan disenggara dengan Bank dan hendaklah, jika konteks membenarkan, termasuk waris, wakil peribadi dan penerima serah hak IAH masing-masing.
 - 1.8 "**Aset Pelaburan**" mempunyai maksud seperti yang diberikan kepadanya di bawah Fasal 3.1, Bahagian B di bawah.
 - 1.9 "**Modal Pelaburan**" mempunyai maksud seperti yang diberikan kepadanya di bawah Fasal 3.1, Bahagian B di bawah.
 - 1.10 "**Tempoh Pelaburan**" bermaksud tempoh pelaburan bagi aktiviti pelaburan yang dipersetujui oleh IAH sebelum membuat pelaburan dalam TIA-i dan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 1.3, Bahagian C di bawah.
 - 1.11 "**IFSA**" bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuk semua undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya serta pindaan dan/atau enakmen semula kepadanya yang dibuat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.
 - 1.12 "**LHDN**" bermaksud Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
 - 1.13 "**Ju'alah**" bermaksud fi insentif prestasi dan mempunyai maksud seperti yang diberikan kepadanya di bawah Fasal 4, Bahagian B di bawah.
 - 1.14 "**Tarikh Matang**" mempunyai maksud seperti yang diberikan kepadanya di bawah Fasal 1.3, Bahagian C di bawah.
 - 1.15 "**Prosid Matang**" mempunyai maksud seperti yang diberikan kepadanya di bawah Fasal 4.1, Bahagian C di bawah.
 - 1.16 "**Kumpulan PBB**" bermaksud syarikat induk Bank, cawangan, agensi, wakil, pegawai, syarikat gabungan, syarikat berkaitan atau bersekutu termasuk subsidiarinya serta pegawai, kakitangan, pekerja, atau ejen masing-masing.
 - 1.17 "**PBe**" bermaksud perbankan dalam talian dan mudah alih Bank.
 - 1.18 "**Perkhidmatan PBe**" bermaksud apa-apa perkhidmatan yang Bank mungkin sediakan kepada IAH melalui PBe.
 - 1.19 "**Pembiayaan Peribadi-i**" bermaksud produk pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh Bank.

- 1.20 “**Lembaran Pendedahan Produk**” bermaksud lembaran pendedahan produk TIA-i yang mengandungi maklumat berkenaan serta pendedahan terma-terma utama TIA-i.
- 1.21 “**PIDM**” bermaksud Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.
- 1.22 “**RUM**” bermaksud Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- 1.23 “**Borang Penilaian Kesesuaian**” bermaksud borang penilaian seperti yang disediakan oleh Bank untuk menilai kesesuaian IAH yang berpotensi untuk melabur dalam TIA-i.
- 1.24 “**TIA-i**” bermaksud Akaun Pelaburan Bertempoh-i tidak terhad yang mana Bank hendaklah mempunyai kebenaran penuh untuk menguruskan pelaburan dan membuat keputusan bagi kepentingan IAH menurut prinsip Syariah.
- 1.25 “**Terma dan Syarat**” bermaksud terma dan syarat ini yang mengawal TIA-i termasuk apa-apa penambahan, perubahan, pindaan dan/atau semakan semula seperti yang Bank tentukan dari semasa ke semasa.
- 1.26 “**Akaun Pelaburan Tidak Terhad**” bermaksud sejenis akaun pelaburan yang mana pelabur memberi kebenaran penuh kepada Bank untuk menguruskan pelaburan dan membuat keputusan untuk kepentingan pelabur menurut prinsip Syariah, mengikut terma bahawa tiada obligasi nyata atau tersirat untuk memulangkan pelaburan secara penuh berserta atau tanpa apa-apa pulangan.
- 1.27 “**Wakalah (Agensi)**” bermaksud hubungan kontrak *Wakalah* untuk TIA-i yang mana IAH memberi mandat kepada Bank dengan pengenaan fi agensi sebagai ejen IAH untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang boleh diwakilkan.
- 1.28 “**Wakalah bi al-Istithmar**” bermaksud satu aturan yang mana IAH melantik Bank sebagai ejen (*Wakil*) IAH untuk melabur wang IAH dan apa-apa jumlah wang berikutnya dilaburkan dalam TIA-i dari semasa ke semasa.
2. Perkataan yang mempunyai maksud mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya.
3. Perkataan yang membawa maksud gender maskulin hendaklah termasuk gender feminin dan gender neuter dan sebaliknya.
4. Rujukan kepada individu termasuk peguam, wasi dan pentadbirnya dan Terma dan Syarat ini akan mengikat ke atas individu-individu berkenaan.
5. Rujukan kepada “termasuk” atau “misalnya” atau perkataan lain seumpamanya apabila memperkenalkan suatu contoh tidak mengehendkan maksud contoh berkenaan.
6. Apa-apa terma perbankan yang tidak ditakrifkan atau dinyatakan secara khusus dalam ini hendaklah ditafsirkan menurut amalan am bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia.
7. Tajuk dan tajuk kecil dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak seharusnya dipertimbangkan dalam pentafsiran mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini.
8. Apa-apa rujukan kepada statut, akta, peraturan atau garis panduan (“**Undang-undang**”) dalam Terma dan Syarat ini hendaklah termasuk semua undang-undang kecil di bawahnya, pengubahsuaian, pindaan atau enakmen semula yang mungkin digubal atau dibuat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa. Sekiranya Undang-undang dimansuhkan atau digantikan dengan Undang-undang lain, rujukan sedemikian hendaklah dibuat kepada Undang-undang gantian dari tarikh Undang-undang tersebut berkuat kuasa.
9. Sekiranya dua (2) atau lebih orang atau pihak yang termasuk dalam ungkapan “IAH”, perjanjian, waad, penetapan, aku janji, dan liabiliti yang dinyatakan sebagai dibuat oleh dan bagi pihak IAH dalam Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap dan difahami sebagai dibuat oleh atau mengikat ke atas orang atau pihak berkenaan secara bersejajam dan berasingan.

Bahagian B: Syariah dan Wakalah bi al-Istithmar

1. ***Wakalah bi al-Istithmar***
- 1.1 TIA-i merupakan Akaun Pelaburan Tidak Terhad yang distrukturkan di bawah konsep Syariah *Wakalah bi al-Istithmar*.
- 1.2 Objektif TIA-i adalah untuk menjana pulangan yang stabil dan konsisten sepanjang Tempoh Pelaburan yang ditentukan.
- 1.3 TIA-i hendaklah dikawal oleh objektif dan strategi pelaburan seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk.
2. **Pelantikan Bank sebagai Ejen**
- 2.1 IAH sebagai pihak utama (*muwakkil*) bersetuju untuk melantik Bank sebagai ejen (*wakil*) IAH dan Bank bersetuju untuk menerima pelantikan tersebut sepanjang Tempoh Pelaburan bagi tujuan melaksanakan aktiviti pelaburan bagi pihak IAH dan membuat semua tindakan seperti yang IAH boleh lakukan sendiri berkaitan dengan aktiviti pelaburan berkenaan. IAH mengakui dan menerima bahawa Bank hendaklah mempunyai budi bicara tanpa had untuk membuat keputusan pelaburan dan menguruskan aktiviti pelaburan menurut prinsip Syariah. Sebagai balasan, Bank akan menerima fi agensi bagi perkhidmatan yang diberikan.

3. Modal Pelaburan dan Aset Pelaburan

- 3.1 Bank hendaklah menerima wang daripada IAH yang dilaburkan dalam TIA-i, iaitu caruman modal permulaan IAH kepada pelaburan dalam TIA-i ("**Modal Pelaburan**"), dengan mandat untuk membuat keputusan pelaburan untuk IAH tanpa menyatakan apa-apa had atau syarat tertentu (akaun pelaburan tidak terhad). Apa-apa jumlah wang berikutnya akan dilaburkan dalam portfolio aset patuh Syariah yang dipilih oleh Bank seperti portfolio Pembiayaan Peribadi-i ("**Aset Pelaburan**").

4. Ju'alah (Fi Insentif Pretasi)

- 4.1 TIA-i turut mengguna pakai konsep *Ju'alah* (fi insentif prestasi), yang mana Bank akan memperoleh fi insentif prestasi apabila pulangan sebenar pelaburan yang ditawarkan kepada IAH melebihi kadar pulangan yang dijangka ("**ERR**").

Bahagian C: Terma dan Syarat Am

1. Pembukaan Akaun

- 1.1 TIA-i boleh disediakan kepada entiti korporat dan pelabur peribadi yang memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Bank.
- 1.2 Melainkan sebaliknya dikecualikan, IAH dikehendaki melengkapkan Borang Penilaian Kesesuaian sebelum membuka TIA-i. Penilaian kesesuaian merujuk Bank mengumpul maklumat yang perlu daripada IAH untuk membentuk alasan yang munasabah bagi cadangan pelaburan Bank berkaitan dengan pelaburan dalam TIA-i. Kaedah penilaian kesesuaian yang digunakan oleh Bank hendaklah diterima sebagai keputusan muktamad. IAH mengakui bahawa beliau memahami sepenuhnya risiko berkaitan dengan TIA-i termasuk kemungkinan kerugian kewangan iaitu sebahagian atau keseluruhan Modal Pelaburan.
- 1.3 Tempoh Pelaburan yang akan ditawarkan mungkin merangkumi tiga (3), enam (6) atau sembilan (9) bulan atau tempoh lain yang akan ditentukan oleh Bank dan Tempoh Pelaburan yang ditetapkan itu hendaklah dipersetujui oleh IAH sebelum membuat pelaburan dalam TIA-i. Akhir Tempoh Pelaburan ialah tarikh matang ("**Tarikh Matang**").
- 1.4 IAH menjamin dan mewakili bahawa IAH dibenarkan sewajarnya untuk membuka TIA-i dan mengemukakan butiran yang diperlukan untuk membuka TIA-i serta mengesahkan bahawa semua maklumat adalah betul, benar, lengkap dan tepat. IAH mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan dalam rekod IAH yang disimpan oleh Bank seperti perubahan tandatangan yang dibenarkan, perubahan rakan kongsi (bagi akaun perkongsian) atau perubahan alamat.

2. Aktiviti Pelaburan

- 2.1 Wang yang dilaburkan dalam TIA-i mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. IAH dikehendaki untuk membuat peletakan permulaan dalam TIA-i tidak kurang daripada amaun minimum yang ditetapkan dan didedahkan oleh Bank dan amaun minimum berkenaan boleh dirujuk melalui laman web Bank. Sebelum wang IAH yang diletakkan dalam TIA-i dirangkaikan kepada Aset Pelaburan, wang diletakkan oleh IAH hendaklah dianggap sementara sebagai pinjaman (*Qard*) daripada IAH kepada Bank.
- 2.2 Bank selanjutnya mempunyai hak untuk menentukan dan mengubah amaun minimum bagi amaun pelaburan permulaan yang perlu diletakkan semasa membuka TIA-i.
- 2.3 IAH dikehendaki menyenggara Akaun Simpanan/Semasa-i *Murabahah* Komoditi (CM CASA-i), mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan Bank atau sekiranya ia tidak dapat dilakukan disebabkan oleh ketidakupayaan operasi Bank atau sekatan undang-undang, oleh itu dengan Public Bank Berhad ("**Akaun yang Ditetapkan**") pada waktu pembukaan TIA-i. IAH hendaklah memastikan bahawa Akaun yang Ditetapkan beroperasi pada setiap masa bagi memudahkan pulangan dikreditkan sama ada dari Tarikh Matang atau penebusan sebelum matang TIA-i.
- 2.4 Akaun yang Ditetapkan hendaklah disenggara di bawah nama IAH dan dirangkaikan kepada TIA-i.
- 2.5 Akaun yang Ditetapkan tidak dibenarkan ditutup melainkan semua pelaburan belum jelas yang dirangkaikan kepada TIA-i telah dijelaskan dengan Bank dan prosid telah dikreditkan dalam Akaun yang Ditetapkan.
- 2.6 Bagi TIA-i yang merupakan akaun bersama dan sekiranya salah seorang IAH meninggal dunia, Bank dibenarkan untuk membayar baki kredit TIA-i kepada IAH yang masih hidup dan pembayaran berkenaan hendaklah dianggap sebagai pelepasan sah oleh Bank bagi amaun TIA-i yang perlu dibayar.
- 2.7 IAH bersetuju secara bersesama dan berasingan untuk menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa daripada dan terhadap apa-apa prosiding, tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dikenakan terhadap atau ditanggung atau dialami oleh Bank berikutan pelepasan baki kredit TIA-i kepada IAH yang masih hidup.

3. Resit TIA-i

- 3.1 Penerimaan Resit TIA-i oleh IAH hendaklah dianggap sebagai perjanjian untuk mematuhi dan terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan dalam Resit TIA-i dan Terma dan Syarat ini, termasuk apa-apa semakan semula, pindaan dan pengubahsuaian yang dibuat kepada terma dan syarat berkenaan serta undang-undang Malaysia yang diterima pakai.
- 3.2 Semua Resit TIA-i yang dikeluarkan oleh Bank mesti mempunyai tandatangan pegawai Bank yang dibenarkan.

- 3.3 Resit TIA-i yang asal mesti disimpan di tempat yang selamat pada setiap masa. Sekiranya Resit TIA-i yang asal tiada atau jika Resit TIA-i yang asal hilang/disalah letak/musnah, IAH hendaklah memberikan kepada Bank tanggung rugi yang diterima oleh Bank. Bagaimanapun, Bank berhak untuk menolak, tanpa memberikan apa-apa sebab, permohonan IAH untuk menebus prosid TIA-i atau permohonan penggantian Resit TIA-i, mengikut mana-mana yang berkenaan. Keputusan Bank adalah muktamad.

4. Kadar Pengiraan dan Pengagihan Pulangan

- 4.1 Bank akan memaklumkan ERR pelaburan kepada IAH. Sekiranya pulangan sebenar lebih tinggi daripada ERR pelaburan, IAH bersetuju bahawa perbezaan antara pulangan sebenar dan ERR hendaklah diambil oleh Bank sebagai *Ju'alah* (fi insentif prestasi), selepas penolakan fi agensi terlebih dahulu daripada Modal Pelaburan. Sekiranya pulangan sebenar bersamaan dengan atau lebih rendah daripada ERR, Bank akan mengkreditkan Modal Pelaburan tambah pulangan sebenar (jika ada) ("**Prosid Matang**") kepada Akaun yang Ditetapkan, selepas penolakan fi agensi terlebih dahulu daripada Modal Pelaburan. Bagi mengelakkan keraguan, Prosid Matang turut termasuk baki Modal Pelaburan sekiranya berlaku apa-apa kerugian dalam pelaburan.
- 4.2 Pengiraan pulangan hendaklah ditentukan oleh Bank dan boleh dirujuk melalui laman web Bank.
- 4.3 Pelaburan akan dinilai setiap bulan. Pulangan, jika ada, dikira berdasarkan bilangan hari kalendar sebenar bagi tahun berkenaan dan hendaklah dibayar pada Tarikh Matang.
- 4.4 Untuk penebusan awal (iaitu penebusan sebelum Tarikh Matang) yang mana kedua-dua pihak saling bersetuju untuk menamatkan pelaburan, pelaburan hendaklah dibubarkan (*Fasakh*). IAH mengakui dan bersetuju untuk mengecualikan hak (*Tanazul*) untuk menerima semua pulangan bagi tempoh interim pelaburan. Penebusan awal tertakluk pada pelupusan Aset Pelaburan dan penyempurnaan prosedur operasi penebusan Bank, termasuk penilaian Aset Pelaburan, pengemukaan dokumen/borang yang berkenaan dan bilangan hari kalendar yang diambil untuk memproses urus niaga penebusan.
- 4.5 Pulangan mungkin berbeza-beza mengikut prestasi Aset Pelaburan.
- 4.6 Prosid pulangan akan dikreditkan secara automatik dalam Akaun yang Ditetapkan, sama ada ia jatuh pada hari bekerja atau tidak.
- 4.7 IAH, sebagai pihak utama hendaklah menanggung kerugian sekiranya berlaku apa-apa kerugian dalam pelaburan yang hendaklah selaras dengan Modal Pelaburan tolak kerugian yang ditanggung, melainkan kerugian berkenaan adalah disebabkan oleh salah laku, kecuaiian dan/atau pelanggaran terma tertentu oleh Bank. IAH bersetuju bahawa liabilitinya dalam TIA-i adalah bersamaan dengan Modal Pelaburan dan kerugian pelaburan (jika ada). Sekiranya berlaku apa-apa kerugian dalam pelaburan, Bank hanya akan mengkreditkan baki Modal Pelaburan dalam Akaun yang Ditetapkan pada Tarikh Matang.
- 4.8 Sekiranya pulangan sebenar lebih rendah daripada ERR pelaburan atau terdapat pengurangan dalam Modal Pelaburan akibat salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma tertentu oleh Bank, Bank hendaklah dipertanggungjawabkan dan akan:
- 4.8.1 membayar balik Modal Pelaburan;
 - 4.8.2 membayar pulangan sebenar sehingga peristiwa pelanggaran; dan
 - 4.8.3 memberi pampasan atas kerugian dan ganti rugi termasuk apa-apa kos sebenar yang ditanggung oleh IAH.
- 4.9 Sekiranya pulangan sebenar lebih tinggi daripada ERR pelaburan akibat salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma tertentu oleh Bank, lebihan pulangan itu hendaklah dianggap sebagai fi insentif prestasi seperti yang dinyatakan dalam Fasal 4.1, Bahagian B di atas.

5. Penebusan, Pembaharuan dan Penggantungan

- 5.1 IAH hendaklah memilih sama ada semasa pembukaan TIA-i atau dengan memberi kepada Bank makluman/notis bertulis tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Tarikh Matang sama ada untuk:
- 5.1.1 menebus pelaburan pada Tarikh Matang; atau
 - 5.1.2 memperbaharui pelaburan secara automatik pada Tarikh Matang.
- 5.2 Sekiranya IAH memilih penebusan pelaburan pada Tarikh Matang seperti Fasal 5.1.1, Bahagian C di atas, IAH akan menerima Prosid Matang daripada aktiviti pelaburan yang dilaksanakan oleh Bank. Prosid Matang itu akan dikreditkan secara automatik dalam Akaun yang Ditetapkan milik IAH, sama ada ia jatuh pada hari bekerja atau tidak. Pelaburan hendaklah dianggap selesai (*Intiha*) selepas penebusan pelaburan.
- 5.3 Sekiranya IAH memilih untuk pembaharuan pelaburan pada Tarikh Matang seperti Fasal 5.1.2, Bahagian C di atas, pembaharuan itu hendaklah dianggap sebagai sambungan daripada pelaburan sedia ada. IAH selanjutnya hendaklah memilih pilihan pembaharuan yang berikut:
- 5.3.1 Pembaharuan pelaburan berdasarkan Modal Pelaburan sedia ada sahaja. Untuk pilihan ini, Modal Pelaburan sedia ada hendaklah diperbaharui berdasarkan Tarikh Matang baharu dengan ERR baharu seperti yang ditetapkan oleh Bank. Apa-apa pulangan sebenar daripada pelaburan terdahulu akan dikreditkan dalam Akaun yang Ditetapkan; atau

- 5.3.2 Pembaharuan pelaburan berdasarkan Prosid Matang. Untuk pilihan ini, Prosid Matang hendaklah diperbaharui berdasarkan Tarikh Matang baharu dengan ERR baharu seperti yang ditentukan oleh Bank.
- 5.4 Resit TIA-i yang diperbaharui secara automatik akan dikeluarkan apabila diminta dan apabila Resit TIA-i yang telah tamat tempoh/matang diserahkan kepada dan diterima oleh Bank.
- 5.5 Penebusan sebahagian TIA-i tidak dibenarkan oleh Bank.
- 5.6 TIA-i merupakan akaun berasaskan tempoh dan apa-apa dana dalam TIA-i hendaklah dilaburkan menurut Terma dan Syarat ini. Bank hendaklah menentukan pulangan bersih portfolio pelaburan yang turut termasuk apa-apa perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan dana pelaburan.
- 5.7 Tanpa mengambil kira perkara di atas atau apa-apa yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, Bank mempunyai hak untuk menggantung apa-apa penebusan TIA-i di bawah apa-apa keadaan yang berikut:
- 5.7.1 kegagalan seluruh pasaran atau krisis kewangan/ekonomi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada keruntuhan pasaran saham atau keruntuhan harga Aset Pelaburan;
- 5.7.2 kegagalan opsyenal luar biasa seperti kegagalan sistem sepenuhnya berskala besar;
- 5.7.3 Aset Pelaburan tidak boleh dicairkan pada harga wajar, harga yang akan ditentukan oleh Bank;
- 5.7.4 kepentingan IAH akan terjejas sekiranya penebusan tidak digantung;
- 5.7.5 *force majeure*; atau
- 5.7.6 apa-apa peristiwa atau keadaan lain yang Bank boleh tentukan mengikut budi bicara munasabahnyanya.
- 5.8 Dalam menggantung apa-apa penebusan TIA-i, Bank hendaklah mengaturkan pertemuan dengan IAH dalam tempoh masa yang munasabah dari tarikh penggantungan untuk membincangkan tindakan berikutnya dan strategi yang boleh diambil.
6. **Kaedah Penilaian dan Kekerapan**
- 6.1 Kaedah penilaian Aset Pelaburan akan dijalankan menurut kriteria pengiktirafan dan pengukuran Standard Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang diterima pakai. IAH boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan TIA-i melalui laman web Bank.
- 6.2 Kekerapan penilaian akan dibuat secukupnya menurut terma penebusan di bawah Terma dan Syarat ini dan prosedur operasi penebusan Bank.
7. **Fi dan Caj**
- 7.1 IAH bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengenakan caj atas perkhidmatan yang disediakan kepada IAH berkaitan dengan TIA-i pada kadar atau amaun seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dan seperti yang diluluskan oleh BNM. IAH bersetuju bahawa semua caj yang kena dibayar hendaklah didebitkan daripada TIA-i atau Akaun yang Ditentukan. Bank hendaklah menolak fi agensi terlebih dahulu daripada Modal Pelaburan.
- 7.2 Butiran fi dan caj boleh didapati apabila diminta atau daripada cawangan Bank dan laman web Bank. Bank berhak untuk mengubah fi dan caj dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada IAH.
- 7.3 Bank boleh mengenakan atau mengubah apa-apa fi dan caj yang diluluskan berkaitan dengan TIA-i dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar dengan memaparkan fi dan caj baharu itu di premis Bank dan laman web Bank.
8. **Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)**
- 8.1 TIA-i **TIDAK** layak untuk perlindungan daripada PIDM.
9. **Penyediaan Penyata, Laporan dan Maklumat**
- 9.1 Penyata TIA-i boleh dihantar oleh Bank kepada IAH mengikut selang masa yang Bank tentukan. Apa-apa kegagalan atau kelewatan Bank untuk menyediakan penyata TIA-i atas apa jua sebab tidak boleh dianggap sebagai tiada urusan niaga dibuat pada bulan berkenaan atau tiada jumlah yang perlu dibayar.
- 9.2 IAH mengaku janji untuk segera menyemak dengan teliti ketepatan semua entri dalam setiap penyata TIA-i yang diterima daripada Bank. IAH seterusnya mengakui dan bersetuju, dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar (atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranyanya) dari tarikh penyata, untuk memaklumkan kepada Bank di cawangan TIA-i dibuka, mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan atau ketertinggalan daripada debit atau pengeluaran yang dibuat kepada atau daripada, atau entri yang tidak betul dalam penyata tersebut. Pada akhir tempoh dua puluh satu (21) hari tersebut (atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranyanya), semua entri yang dibuat dalam penyata hendaklah dianggap telah diterima sebagai betul dan merupakan bukti konklusif tanpa bukti selanjutnya terhadap IAH (melainkan apa-apa dakwaan kesilapan yang dimaklumkan dan diterima oleh Bank).

- 9.3 Selepas tamat tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh penyataan, IAH hendaklah tidak mempersoalkan apa-apa perkara dalam penyata dengan syarat sentiasa Bank boleh menarik balik apa-apa entri kredit yang tersilap dikreditkan dalam TIA-i. IAH selanjutnya mengaku janji untuk memulangkan balik semua entri kredit yang tersilap dalam TIA-i atau Akaun yang Ditetapkan dan menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian yang Bank mungkin tanggung akibat kegagalan untuk memulangkan balik entri kredit yang tersilap itu kepada Bank.
- 9.4 Untuk IAH membuat keputusan yang tepat, Bank boleh pada bila-bila masa mendedahkan maklumat yang wajar, tepat, jelas, berkeajaan dan tepat pada masa berkaitan dengan TIA-i kepada IAH pada kekerapan dan dalam apa-apa cara atau kaedah yang ditentukan oleh Bank.
- 9.5 Laporan Prestasi Dana hendaklah disediakan pada suku tahunan melalui laman web Bank.
- 9.6 Bank hendaklah memaklumkan kepada IAH mengenai perubahan ketara dalam persekitaran pelaburan dan langkah-langkah wajar yang akan diambil berikutan perubahan tersebut serta kesan yang mungkin berlaku akibat pelaksanaan apa-apa tindakan remedi.
- 10. Liabiliti**
- 10.1 Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti bagi pihak IAH atau atas permintaan IAH, apa-apa dana yang dilaburkan dalam TIA-i milik IAH dan dipegang oleh Bank hendaklah secara automatik menjadi cagaran kepada Bank. Bank boleh mengekalkan dana berkenaan atau mana-mana bahagiannya dalam pegangan Bank dan berhak, malah boleh menolak cek IAH sehingga liabiliti tersebut diselesaikan.
- 10.2 IAH bersetuju bahawa Bank berhak untuk mendedahkan maklumat seperti yang dikehendaki oleh BNM bagi mematuhi arahan BNM dan/atau kepada syarikat dalam Kumpulan PBB dan institusi kewangan lain bagi tujuan penilaian kredit *bona fide*.
- 10.3 Sekiranya Bank melantik atau perlu melantik peguam bagi menguatkuasakan mana-mana hak Bank menurut Terma dan Syarat ini, atau sebaliknya sama ada melalui prosiding undang-undang atau apa-apa cara lain berkaitan dengan TIA-i, IAH hendaklah dipertanggungjawabkan untuk membayar kepada Bank semua kos, fi dan caj berkaitan dengan penguatkuasaan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini dan TIA-i, dan Bank mempunyai hak untuk mendebit TIA-i dengan semua kos, fi dan caj tersebut.
- 10.4 Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang dan dengan syarat ia bukan disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku Bank, IAH bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk, dan IAH hendaklah menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa terhadap semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh IAH atau oleh Bank dengan mana-mana atau kesemua apa jua akaun perbankan, atau pelaksanaan apa-apa arahan oleh Bank atau sekiranya mana-mana akaun perbankan IAH atau mana-mana bahagiannya disekat atau dibekukan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa rasmi.
- 10.5 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi yang ditanggung oleh IAH atas sebab pematuhan atau ketidakpatuhan oleh Bank, sekiranya arahan pindahan yang dikeluarkan oleh IAH tidak lengkap atau tidak jelas, atau sekiranya amaun pelaburan tidak mencukupi untuk membayar caj Bank dan amaun yang dinyatakan dalam arahan berkenaan, atau disebabkan oleh atau berikutan daripada perniagaan atau operasi, dihalang atau diganggu oleh kelewatan, pemalsuan tandatangan penandatanganan, pindaan dan/atau pemalsuan disebabkan oleh kecuaiian IAH, penentangan, terputus bekalan elektrik atau kuasa atau telekomunikasi atau apa-apa sistem rangkaian komunikasi lain, rusuhan, sekatan, mogok, embargo atau kegagalan mesin atau peralatan.
- 10.6 Apa-apa pindahan yang dibuat oleh Bank menurut apa-apa arahan yang dikatakan ditandatangani oleh IAH atau wakil yang dibenarkan oleh IAH hendaklah dianggap sebagai pelepasan sepenuhnya dan Bank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti terhadap IAH dan mana-mana pihak.
- 10.7 Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang dan dengan syarat ia bukan disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh Bank, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kos, kerugian, caj dan/atau ganti rugi yang IAH mungkin tanggung atau alami berkaitan dengan apa-apa kegagalan, gangguan atau kerosakan sistem atau infrastruktur yang digunakan oleh Bank.
- 11. Perubahan Peraturan**
- 11.1 Bank boleh mengubah, meminda atau menyemak semula mana-mana Terma dan Syarat ini termasuk tetapi tidak terhad kepada ciri-ciri dan manfaat TIA-i dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.
- 11.2 Semua perubahan akan disiarkan melalui laman web Bank atau melalui apa-apa kaedah lain yang Bank anggap sesuai mengikut budi bicaranya. Apa-apa penambahan, perubahan, pindaan, semakan semula atau pengubahsuaian hendaklah berkuat kuasa dari tarikh kuat kuasa notis tersebut.
- 11.3 Sekiranya IAH terus menyenggara dan meneruskan operasi TIA-i, IAH dianggap telah menerima penambahan, perubahan, pindaan, semakan semula atau pengubahsuaian kepada Terma dan Syarat ini.
- 12. Hak untuk Menolak Selesai**
- 12.1 IAH bersetuju bahawa sebagai tambahan kepada apa-apa lien am atau hak serupa yang Bank mungkin berhak dari segi undang-undang, Bank boleh, dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada IAH:

- 12.1.1 menggabungkan atau menyatukan mana-mana akaun perbankan IAH yang dipegang dengan Bank dan mana-mana syarikat dalam Kumpulan PBB (dalam apa jua bentuk) termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana akaun perbankan yang dipegang secara bersama dengan orang lain di mana jua dengan mana-mana liabiliti IAH di bawah apa-apa perjanjian atau kontrak dalam Bank dan mana-mana syarikat dalam Kumpulan PBB; dan
 - 12.1.2 menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah baki kredit dalam akaun IAH yang dipegang dengan Bank dan mana-mana syarikat dalam Kumpulan PBB (dalam apa jua bentuk) termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana akaun yang dipegang secara bersama dengan orang lain bagi memenuhi liabiliti IAH kepada Bank dan mana-mana syarikat Kumpulan PBB, sama ada liabiliti tersebut merupakan liabiliti semasa, akan datang, sebenar, bersyarat, utama atau cagaran, berasingan atau bersesama.
- 12.2 Apabila notis yang disebutkan di atas dikeluarkan, IAH bersetuju bahawa Bank dan syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan PBB mempunyai hak untuk menguntukkan atau meletakkan pegangan pada apa-apa wang berbaki kredit dalam semua atau mana-mana akaun perbankan IAH yang dipegang dengan Bank dan syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan PBB sebelum menolak selesai dan IAH tidak layak untuk mengeluarkan wang tersebut tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Bank dan syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan PBB.
- 12.3 Sekiranya IAH mempunyai apa-apa liabiliti bersyarat atau akan datang untuk membuat pembayaran yang mana wang tersebut akan dikeluarkan daripada TIA-i, Bank mempunyai hak untuk menggantung pembayaran atau memegang apa-apa jumlah baki kredit dalam akaun tersebut sehingga berlakunya peristiwa bersyarat atau akan datang.
- 12.4 Sekiranya apa-apa penggabungan, tolak selesai atau pindahan memerlukan pertukaran daripada satu mata wang kepada satu mata wang yang lain, pertukaran sedemikian hendaklah dibuat pada kadar pertukaran asing semasa Bank (seperti yang ditentukan oleh Bank secara muktamad) bagi pembelian mata wang yang mana IAH bertanggungjawab atas mata wang sedia ada yang telah ditukar tersebut. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas apa-apa kerugian akibat daripada Bank melaksanakan haknya di bawah Terma dan Syarat ini.

13. Penutupan TIA-i

- 13.1 IAH boleh menutup TIA-i dengan memberi notis bertulis kepada Bank dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank dan menyelesaikan semua amaun belum jelas yang perlu dan kena dibayar kepada Bank. Arahan untuk menutup akaun TIA-i yang disampaikan secara lisan atau melalui panggilan telefon, faksimile atau e-mel internet tidak diterima oleh Bank.
- 13.2 IAH hendaklah mengendalikan TIA-i dengan cara yang memuaskan dan menurut Terma dan Syarat ini, jika tidak, Bank boleh menutup TIA-i dengan serta merta dengan memberi notis bertulis dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis tersebut. Bank boleh mengeluarkan cek jurubank untuk baki dalam TIA-i selepas menolak kos pentadbiran atau kos lain yang ditanggung oleh Bank. Cek jurubank itu akan dipos ke alamat terakhir IAH yang diketahui dalam rekod Bank.

14. Penggantungan dan Penamatan TIA-i

- 14.1 Bank boleh, dengan memberi notis terlebih dahulu, menggantung atau membekukan TIA-i tanpa perlu memberi apa-apa sebab.
- 14.2 Tanpa mengambil kira apa-apa fasal lain dalam Terma dan Syarat ini, Bank boleh menutup, menamatkan, menggantung atau membekukan TIA-i dengan serta-merta sekiranya:
 - 14.2.1 IAH mengugut untuk memungkir atau telah memungkir mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini;
 - 14.2.2 IAH meninggal dunia atau menjadi hilang upaya, tidak waras, tidak solven, bankrap atau berhadapan dengan prosiding guaman;
 - 14.2.3 petisyen penggulangan telah dikemukakan terhadap IAH atau satu resolusi diluluskan untuk penggulangan IAH;
 - 14.2.4 IAH menjadi tidak solven atau telah digulung;
 - 14.2.5 terdapat apa-apa prosiding guaman atau prosedur lain atau langkah diambil untuk melantik penerima, pengurus kehakiman, pelikuidasi, pelikuidasi sementara, penerima dan pengurus atau mana-mana pegawai yang serupa terhadap IAH atau terhadap aset IAH;
 - 14.2.6 apa-apa perwakilan, jaminan atau aku janji yang dibuat kepada Bank menjadi atau akan menjadi tidak betul atau mengelirukan dalam aspek material;
 - 14.2.7 apa-apa prosiding litigasi (sama ada sivil atau jenayah), timbang tara atau pentadbiran akan dijalankan, sedang dijalankan atau diancam untuk diambil terhadap IAH;
 - 14.2.8 pelaksanaan apa-apa proses guaman atau perintah daripada mahkamah ke atas Bank terhadap TIA-i atau IAH;
 - 14.2.9 Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa TIA-i digunakan untuk apa jua aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - 14.2.10 terdapat siasatan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang akan dijalankan, sedang berjalan atau diancam akan diambil terhadap IAH;

- 14.2.11 terdapat laporan yang dibuat terhadap Pelanggan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Kewangan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; atau
- 14.2.12 apa-apa siasatan akan atau sedang dijalankan oleh Bank ke atas IAH, TIA-i dan/atau apa-apa urusan niaga berkaitan dengan TIA-i.

Bank boleh mengambil semua tindakan yang ia anggap wajar bagi tujuan memenuhi apa-apa obligasi atau keperluan berhubung dengan pencegahan apa-apa aktiviti jenayah termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti pengganas, rasuah, sogokan atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan.

Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan, apa-apa penutupan, pembekuan, penamatan atau penggantungan TIA-i tidak akan melayakkan IAH untuk menuntut apa-apa pampasan daripada Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh IAH sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung berikutan penutupan, pembekuan, penamatan atau penggantungan tersebut.

- 14.3 Hubungan berkontrak antara IAH dengan Bank akan dibubarkan dan operasi TIA-i akan digantung di bawah mana-mana keadaan yang berikut:
 - 14.3.1 Kedua-dua IAH dan Bank saling bersetuju untuk menamatkan TIA-i; atau
 - 14.3.2 IAH memilih untuk menamatkan TIA-i berikutan salah laku, kecuaihan atau pelanggaran terma dan syarat tertentu oleh Bank atau sebaliknya.

15. Notis dan Komunikasi

- 15.1 IAH hendaklah memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan alamat. Segala surat-menyurat yang dihantar melalui pos oleh Bank yang dialamatkan atau dihantar ke alamat terakhir IAH yang didaftarkan dengan Bank hendaklah dianggap sebagai telah dihantar dengan sewajarnya kepada IAH.
- 15.2 Semua notis dan komunikasi kepada IAH akan dihantar secara bertulis dan boleh dihantar kepada IAH melalui e-mel internet atau dipamerkan di premis dan melalui laman web Bank. Semua proses undang-undang boleh dihantar kepada IAH melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir IAH yang didaftarkan dengan Bank dan hendaklah dianggap telah dihantar dengan sewajarnya dan diterima oleh Pelanggan.

16. Perwakilan dan Jaminan

- 16.1 IAH mewakili, menjamin dan mengaku janji kepada Bank seperti yang berikut:
 - 16.1.1 IAH berupaya untuk menilai dan memahami (bagi pihak IAH sendiri atau melalui nasihat profesional bebas), serta memahami dan menerima terma, syarat dan risiko setiap pelaburan yang dibuat dengan Bank. IAH juga berupaya untuk menanggung risiko kewangan dan risiko lain pelaburan tersebut;
 - 16.1.2 IAH telah menjalankan semua penyelidikan bebas bagi setiap pelaburan yang dibuat oleh IAH dan semua perkara lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada peruntukan Terma dan Syarat ini dan Lembaran Pendedahan Produk. IAH telah membuat keputusan sendiri sama ada mana-mana pelaburan adalah wajar atau sesuai berdasarkan penilaian IAH sendiri dan menurut nasihat daripada penasihat seperti yang dianggap perlu. Sekiranya tiada perjanjian bertulis antara pihak-pihak yang secara nyata mengenakan obligasi wajib yang sebaliknya untuk pelaburan itu, IAH tidak bergantung pada apa-apa cadangan atau nasihat daripada Bank untuk membuat keputusan pelaburan dan tidak bergantung pada apa-apa komunikasi (bertulis atau lisan) dengan Bank sebagai nasihat pelaburan atau cadangan untuk membuat pelaburan, adalah difahami bahawa maklumat dan penjelasan berkaitan dengan terma dan syarat pelaburan hendaklah tidak dianggap sebagai nasihat pelaburan atau cadangan untuk membuat pelaburan. IAH tidak menerima apa-apa kepastian atau jaminan mengenai hasil yang dijangka/indikatif bagi setiap pelaburan;
 - 16.1.3 Bank tidak bertindak sebagai fidusiari atau penasihat IAH berkaitan dengan apa-apa pelaburan yang mana tiada perjanjian bertulis antara pihak-pihak yang secara nyata mengenakan obligasi wajib yang sebaliknya untuk pelaburan itu;
 - 16.1.4 IAH mempunyai keupayaan, kuasa dan kebenaran yang perlu untuk memeterai perjanjian menurut Terma dan Syarat ini dan untuk melaksanakan obligasi di bawah Terma dan Syarat ini. IAH tidak (dan tidak akan melalui apa-apa urusan niaga menurut Terma dan Syarat ini atau di bawah apa-apa pelaburan menjadi) bankrap atau tidak solven dan tiada langkah sedang diambil atau telah diambil untuk melantik pemegang amanah kebangkrutan atau penerima atau penerima dan pengurus atau konservator atau pelikuidasi ke atas aset IAH;
 - 16.1.5 IAH merupakan pemilik sah dan benefisial bagi setiap pelaburan, bebas daripada semua kepentingan sekuriti, sekatan atau tuntutan (melainkan yang memihak kepada Bank atau diluluskan oleh Bank);
 - 16.1.6 IAH bertindak sebagai pelabur utama dan bukan sebagai ejen untuk mana-mana orang apabila IAH membuat pelaburan;
 - 16.1.7 Pelaburan dalam TIA-i oleh IAH dengan Bank adalah sah di sisi undang-undang dalam bidang kuasa yang mengikat atau diterima pakai kepada IAH. IAH akan mengambil semua tindakan yang perlu bagi memastikan apa-apa pelaburan sedemikian, pelaksanaan hak IAH dan pelaksanaan obligasi IAH berkaitan dengan setiap pelaburan sedemikian tidak bercanggah dengan apa-apa undang-undang, peraturan atau dasar pengawalseliaan yang mengikat atau diterima pakai kepada IAH; dan

16.1.8 IAH hendaklah sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan dan dasar pengawalseliaan dalam mana-mana bidang kuasa yang mengikat atau diterima pakai kepada IAH berkaitan dengan setiap akaun IAH atau berikutan pelaburan dalam TIA-i, atau membuat apa-apa pelaburan lain dengan Bank.

17. **Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk**

17.1 IAH memahami dan mengakui bahawa menurut Seksyen 146 APKI, Bank dibenarkan di bawah undang-undang untuk mendedahkan maklumat mengenai hal-ehwal IAH, akaun perbankan atau penyenggaraannya (termasuk baki kredit IAH) kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM bagi memudahkan dan/atau membolehkan Bank dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya.

IAH mengizinkan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana penjamin (penjamin-penjamin)/pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti yang Bank mengikut budi bicaranya boleh tentukan atau menganggap wajar untuk membolehkan Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya.

18. **Notis Perlindungan Data dan Keizinan**

18.1 IAH maklum bahawa notis privasi Bank mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi IAH dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya ("**Notis Privasi**") boleh didapati melalui laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan Bank.

18.2 IAH mengesahkan bahawa IAH telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Bank. IAH bersetuju bahawa kandungan Notis Privasi hendaklah dianggap telah dimasukkan melalui rujukan dalam Terma dan Syarat ini.

18.3 Sekiranya IAH memberi apa-apa data peribadi mana-mana individu pihak ketiga kepada Bank bagi tujuan membuka dan mengendalikan TIA-i atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, IAH mengakui dan mengesahkan bahawa IAH telah memperoleh keizinan daripada pihak ketiga tersebut sebelum mendedahkan data peribadinya kepada Bank dan telah memberikan sesalinan Notis Privasi Bank kepada pihak ketiga yang bersetuju untuk mematuhi.

18.4 IAH sedar akan tujuan Bank untuk memaklumkan kepada IAH maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan syarikat-syarikat gabungan Bank.

18.5 IAH memahami bahawa:

18.5.1 IAH layak untuk mendapatkan akses kepada dan/atau memohon untuk pembetulan apa-apa maklumat peribadi yang disimpan oleh Bank; dan

18.5.2 IAH boleh memaklumkan kepada Bank untuk berhenti menggunakan maklumat peribadi IAH bagi tujuan yang dinyatakan dalam Fasal 18.1, Bahagian C di atas.

18.6 Apa-apa permohonan di bawah fasal ini boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun or dengan menghantarnya kepada Jabatan Khidmat Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

19. **Akta Wang Tak Dituntut 1965**

19.1 IAH maklum tentang peruntukan mengenai Akta Wang Tak Dituntut 1965, yang mana TIA-i akan dikelaskan sebagai wang tak dituntut tujuh (7) tahun dari tarikh urus niaga terakhir yang dibuat oleh IAH, dan dana dalam akaun itu hendaklah dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

19.2 IAH mengakui dan bersetuju untuk pergi ke Bank sebelum tamatnya tempoh tujuh (7) tahun kalendar yang dinyatakan di atas untuk membuat pengeluaran atau urus niaga pelaburan untuk mengaktifkan semula TIA-i. Sebagai balasan kepada pihak Bank kerana bersetuju dengan permohonan IAH, IAH bersetuju dan mengaku janji untuk tidak mempertanggungjawabkan dan menanggung rugi Bank bagi semua liabiliti atas kelewatan, ketinggalan atau kesilapan dalam melaksanakan arahan di atas.

19.3 Sekiranya IAH gagal untuk mengaktifkan semula TIA-i, IAH maklum bahawa Bank memindahkan dana dalam TIA-i kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kepada IAH.

20. **Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA)**

20.1 IAH dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa IAH hendaklah sentiasa mengikut dan mematuhi AMLATFPUAA berkaitan dengan semua urus niaga yang dibuat dalam TIA-i atau perkara yang berkaitan dengannya secara langsung atau tidak langsung yang mana:

20.1.1 Bank berhak untuk menyimpan semua rekod mengenai urus niaga IAH dan selanjutnya mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan IAH seperti yang mungkin diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana arahan kerajaan atau pengawal selia bagi tujuan pematuhan pada AMLATFPUAA.

20.1.2 IAH mengaku janji untuk menyediakan kepada Bank semua maklumat dan dokumen yang berkenaan apabila diminta bagi tujuan pengenalpastian IAH dan pengesahan sumber dana di bawah prinsip "Kenali Pelanggan Anda".

- 20.1.3 IAH mengesahkan bahawa semua wang yang dibayar/didepositkan dalam TIA-i diperoleh dan diperoleh pada setiap masa daripada sumber yang sah dan bukannya daripada aktiviti yang tidak sah.

21. Standard Pelaporan Biasa (CRS) dan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)

21.1 "CRS" ialah Undang-undang Percukaian Biasa mengenai Pertukaran Maklumat secara Automatik yang diperkenalkan oleh Organisasi bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk bertukar-tukar maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin. Ia menghendaki Kumpulan PBB, mana yang berkenaan, untuk mengumpul maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin atau rakyat Malaysia yang merupakan pemastautin cukai asing untuk melaporkan maklumat berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mana LHDN akan bertukar-tukar maklumat kewangan pelanggan dengan mana-mana pihak berkuasa percukaian dalam bidang kuasa kena lapor CRS pada setiap tahun.

21.2 "FATCA" ialah undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) yang memerlukan Kumpulan PBB yang mengambil bahagian dalam aturan FATCA sama ada melalui Perjanjian Antara Kerajaan atau melalui Perjanjian Institusi Kewangan Asing untuk melaporkan maklumat akaun yang berkaitan dengan Orang A.S. menerusi LHDNM/pihak berkuasa percukaian yang berkenaan atau terus kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. ("IRS") pada setiap tahun.

Dalam mencapai matlamat penguatkuasaan dan pematuhan pada undang-undang cukai FATCA dan CRS, Kumpulan PBB mempunyai obligasi untuk mendapatkan maklumat peribadi tambahan pelanggan, persijilan dan dokumen daripada pelanggan yang mempunyai hubungan perniagaan dan urusan dengan Kumpulan PBB. Maklumat sedemikian boleh diperoleh semasa akaun dibuka atau pada bila-bila masa selepas itu, terutamanya sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan.

21.3 IAH bersetuju dan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi/organisasi IAH, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pertukaran alamat kediaman/perniagaan, nombor telefon, kerakyatan, maklumat pengenalan cukai peribadi/organisasi, pemilikan syarikat dsbnya. IAH hendaklah mengemukakan kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, dokumen yang diperlukan bagi membuktikan perubahan tersebut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh perubahan.

21.4 IAH secara nyata mengizinkan Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan untuk mendedahkan maklumat percukaian pemastautin IAH bagi tujuan pelaporan CRS dan FATCA yang termasuk tetapi tidak terhad pada Nombor Pengenalan Cukai (TIN) IAH kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang lain bagi tujuan untuk memastikan pematuhan Bank dan Kumpulan PBB kepada undang-undang yang diterima pakai dan peraturan di bawah FATCA dan CRS.

21.5 IAH mengesahkan bahawa:

21.5.1 IAH akan mematuhi semua obligasi IAH di bawah Fasal 21.3 dan 21.4, Bahagian C di atas;

21.5.2 semua maklumat yang diberikan oleh IAH dalam bentuk borang dan dokumen adalah lengkap dan/atau diberikan kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan adalah benar, betul, boleh dipercayai dan terkini; dan

21.5.3 Bank atau mana-mana ahli dalam Kumpulan PBB dibenarkan untuk mendedahkan maklumat akaun kewangan IAH kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan seperti yang diperlukan.

21.6 IAH mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya IAH enggan, gagal dan/atau abai dalam mengemas kini rekod IAH dengan Bank atau Kumpulan PBB atau mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS dan/atau memberi maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat atau lapuk kepada Bank atau Kumpulan PBB, Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, berhak untuk melaksanakan yang berikut:

21.6.1 menutup akaun IAH dengan Bank dan apa-apa akaun yang IAH ada dengan Kumpulan PBB;

21.6.2 enggan memberi apa-apa perkhidmatan baharu Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, kepada IAH; dan

21.6.3 memberi maklumat akaun IAH kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkenaan dalam memenuhi kewajipan FATCA dan CRS Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan.

21.7 IAH mengesahkan bahawa IAH akan mendapatkan nasihat guaman bebas mengenai kewajipan IAH di bawah FATCA dan CRS dan akan memastikan pematuhan sepenuhnya kepada nasihat itu. IAH selanjutnya mengesahkan bahawa Bank atau mana-mana ahli dalam Kumpulan PBB tidak mempunyai obligasi untuk memberi nasihat guaman dan/atau cukai kepada IAH mengenai perkara tersebut.

22. Force Majeure

22.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini berikutan apa-apa sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad pada:

22.1.1 apa-apa peralatan, sistem atau pautan transmisi yang rosak atau gagal untuk berfungsi;

22.1.2 apa-apa kebakaran, gempa bumi, banjir, letupan, tindakan elemen, bencana alam, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan sivil, tsunami;

- 22.1.3 apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, elektrik, bekalan air dan minyak; atau
- 22.1.4 apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa luar jangka yang menghalang Bank daripada melaksanakan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini,

Bank tidak akan dalam apa juga cara bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang IAH mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

23. Undang-undang yang Mengawal

- 23.1 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia. IAH bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah di Malaysia.
- 23.2 IAH bersetuju untuk mengetepikan apa-apa bantahan atas alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa dan apa-apa sebab yang serupa.

24. Mengikat Pengganti

- 24.1 Terma dan Syarat dalam ini hendaklah mengikat waris, wakil peribadi dan pengganti serah hak IAH serta pengganti dan penerima serah hak Bank.

25. Terma dan Syarat Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank

- 25.1 Semua IAH individu yang memohon perbankan dalam talian dan perbankan mudah alih Public Bank mestilah berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.
- 25.2 IAH bersetuju bahawa penggunaan dan akses kepada perbankan dalam talian dan perbankan mudah alih Public Bank adalah tertakluk pada terma dan syarat yang mengawal perbankan dalam talian dan perbankan mudah alih Public Bank.

26. Cap Getah

- 26.1 Cap getah firma/syarikat/pertubuhan/kelab/persatuan/badan korporat mesti diletakkan pada Borang Penilaian Kesesuaian berserta tandatangan contoh orang yang dibenarkan untuk mengendalikan TIA-i.

27. Dasar Antirasuah dan Antisogokan Bank

- 27.1 Bank telah melaksanakan Dasar Antirasuah dan Antisogokan ("**Dasar ABAC**") yang menerima pakai "pendekatan toleransi sifar" terhadap apa jua bentuk rasuah dan sogokan dalam menjalankan perniagaan Bank. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC, sila layari laman web Bank.
- 27.2 IAH hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan rasuah atau sogokan yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("**Akta SPRM**"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 27.3 Bank mempunyai hak untuk menamatkan produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan kepada IAH dengan serta merta sekiranya IAH didapati melanggar Dasar ABAC atau didapati terlibat dengan tindakan rasuah dan amalan sogokan.

28. Lain-lain

- 28.1 IAH mengisytiharkan bahawa sebelum pembukaan TIA-i, IAH tidak:
- 28.1.1 melakukan apa-apa tindakan kebankrapan; dan/atau
- 28.1.2 tertakluk pada apa-apa resolusi atau petisyen pembubaran atau ketidakmampuan bayar yang dibuat atau dikemukakan terhadap IAH.
- 28.2 Dengan menandatangani Borang Penilaian Kesesuaian, IAH mengesahkan dan mengakui bahawa IAH telah menerima, membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat ini, notis atau mandat (jika ada) dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengannya.
- 28.3 IAH bersetuju untuk menanggung rugi Bank sebagai jurubank pemungut terhadap apa-apa kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa jua liabiliti lain pada bila-bila masa yang Bank mungkin tanggung atas apa-apa cek, bil, wang kertas, draf, waran dividen, atau apa-apa surat cara lain yang dikemukakan oleh IAH. Cek, bil, wang kertas, draf, waran dividen, atau apa-apa surat cara lain yang dikemukakan oleh IAH itu hendaklah diterima dan difahami telah dipungut mengikut permintaan nyata IAH dalam setiap keadaan bagi pengkreditan IA-i.
- 28.4 IAH bersetuju dan mengaku janji:
- 28.4.1 untuk melindungi dan tidak mendedahkan identiti akses (ID) dan kod laluan/kata laluan kepada mana-mana orang lain, melalui e-mel, panggilan telefon yang tidak dijangka atau melalui laman web selain daripada laman web rasmi Bank dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi kod laluan/kata laluan itu dan memastikan peranti keselamatan dilindungi pada setiap masa; dan

- 28.4.2 untuk memeriksa semua geran urus niaga pada waktunya dan untuk menyemak baki akaun, penyata TIA-i atau surat cara pembayaran yang ditetapkan secara berkala, untuk mengesan urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan. Sekiranya terdapat urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan, IAH hendaklah melaporkan kepada Bank dan pengeluar surat cara pembayaran secepat yang mungkin sekiranya urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan.
- 28.5 IAH mengakui janji untuk melaporkan kod laluan/kata laluan yang diceroboh keselamatannya atau kehilangan peranti keselamatan kepada Bank dengan segera (dalam apa-apa peristiwa, tidak lewat daripada dua puluh empat (24) jam dari kehilangan peranti keselamatan itu), setelah menyedari pencerobohan atau kehilangan tersebut.
- 28.6 IAH tanpa boleh ditarik balik membenarkan Bank untuk menganggap rekod Bank mengenai apa-apa urus niaga yang dibuat melalui TIA-i termasuk tetapi tidak terhad kepada urus niaga yang dibuat melalui arahan mel, arahan telefon, internet dan terminal layan diri daripada apa-apa sumber yang dikatakan oleh IAH sebagai bukti urus niaga yang dibuat dengan betul oleh IAH dan untuk mendebit TIA-i untuk pembayaran bagi urus niaga berkenaan, tanpa mengambil kira bahawa urus niaga itu mungkin tidak dibenarkan oleh IAH dan selanjutnya tanpa mengambil kira bahawa kebenaran sedemikian atau rekod untuk mendebit akaun seperti yang disebutkan di atas mungkin tidak mengandungi tandatangan IAH.
- 28.7 Sebagai tambahan kepada peraturan Bank, TIA-i tertakluk pada apa-apa dasar, peraturan atau arahan atau permintaan daripada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pengawal selia (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang boleh mengenakan atau mengubah suai apa-apa syarat berkaitan dengan TIA-i yang Bank tertakluk padanya. IAH bersetuju untuk terikat dengan dan sentiasa mematuhi dasar, arahan dan garis panduan BNM serta undang-undang Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada APKI dan Notis Dasar Pertukaran Asing.
- 28.8 Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dibenarkan di bawah apa-apa undang-undang bertulis, IAH bersetuju dan mengizinkan Bank (termasuk kakitangan, ejen Bank dan mana-mana orang yang Bank boleh beri akses kepada rekodnya berkaitan dengan IAH dan penandatanganan yang dibenarkan oleh IAH) untuk mendedahkan hal ehwal dan/atau akaun perbankan IAH kepada orang-orang yang berikut:
- 28.8.1 mana-mana satu atau lebih ahli dalam Kumpulan PBB (termasuk ejen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, peguam dan penasihat profesionalnya) bagi tujuan:
- (a) pelaporan;
 - (b) melaksanakan fungsi berpusat termasuk tetapi tidak terhad kepada audit, risiko, pengurusan, kewangan dan teknologi maklumat;
 - (c) mematuhi dasar, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan PBB;
 - (d) tindakan korporat;
 - (e) pencegahan penipuan dan jenayah;
 - (f) pemungutan hutang;
 - (g) penyumberan luar fungsi dan/atau operasi Bank;
 - (h) penyiasatan, pencegahan atau seumpamanya berkaitan dengan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dan jenayah;
 - (i) penambahbaikan dan pelanjutan pemberian perkhidmatan lain oleh Bank atau mana-mana Kumpulan PBB kepada IAH;
- 28.8.2 mana-mana orang berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil oleh Bank untuk memelihara dan menguatkuasakan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
- 28.8.3 mana-mana orang yang dilantik oleh Bank bagi tujuan untuk melaksanakan atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi perkhidmatan atau operasi yang disumberluarkan;
- 28.8.4 juruaudit, peguam dan penasihat profesional Bank;
- 28.8.5 polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan berkaitan dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- 28.8.6 pencetak alat tulis Bank, vendor sistem komputer yang digunakan oleh Bank dan mereka yang memasang dan menyelenggaranya serta pembekal barang dan perkhidmatan lain yang dilantik oleh Bank;
- 28.8.7 Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan atau diluluskan oleh BNM atau mana-mana biro atau agensi atau badan yang didaftarkan dan dilesenkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
- 28.8.8 mana-mana agensi penarafan;

- 28.8.9 mana-mana peserta sebenar atau bakal peserta atau subpeserta berkaitan dengan obligasi Bank di bawah Terma dan Syarat ini, atau penerima serah hak, novati atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, ejen atau penasihat) mana-mana daripada mereka;
 - 28.8.10 mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana ahli dalam Kumpulan PBB;
 - 28.8.11 mana-mana pihak berkuasa percukaian atau penyiasatan bagi tujuan untuk memudahkan pertukaran maklumat berkaitan dengan hal percukaian;
 - 28.8.12 mana-mana pihak yang perlu bagi Bank untuk melaksanakan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini;
 - 28.8.13 mana-mana orang yang Bank atau ahli dalam Kumpulan Public Bank dibenarkan atau dikehendaki untuk didedahkan di bawah undang-undang mana-mana negara; dan
 - 28.8.14 mana-mana penandatanganan yang dibenarkan.
- 28.9 IAH bersetuju untuk membayar apa-apa caj/perbelanjaan yang dikenakan berikutan daripadanya dan apa-apa fi atau komisen lain, atau apa-apa caj perkhidmatan yang berkenaan, fi penyenggaraan atau apa-apa fi atau caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa atau cukai yang dikenakan sama ada dikuatkuasakan pada masa ini atau yang akan dilaksanakan dan yang boleh dicaj menurut undang-undang bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberi kepada IAH.
- 28.10 IAH mengakui bahawa IAH memahami sepenuhnya risiko berkaitan dengan TIA-i termasuk kemungkinan menanggung kerugian kewangan iaitu sebahagian atau keseluruhan Modal Pelaburan dalam TIA-i.

PERINGATAN:

PULANGAN BAGI TIA-i INI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PELABURAN MENDASARI. AMAUN POKOK DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MENGAMBIL RISIKO TIDAK MEMPEROLEH APA-APA PULANGAN. SEKIRANYA PELABURAN DITEBUS AWAL, PEMEGANG AKAUN PELABURAN MUNGKIN MENANGGUNG KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH POKOK YANG DILABURKAN. TIA-i INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

Tandatangan Pemegang
Akaun Pelaburan (IAH)/Tarikh : _____

Peniaga/Pegawai : _____

[RUANG SELEBIHNYA PADA HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]